

**Musa Yakin Rakyat Sokong Pelbagai Program Transformasi Perdana Menteri
Bernama
12 Julai, 2012**

KOTA KINABALU, 12 Julai (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkeyakinan segenap lapisan rakyat akan memberi sokongan padu terhadap pelbagai inisiatif dan program transformasi yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri termasuk usaha menjadikan Malaysia sebagai model negara Islam yang maju.

Beliau berkata ini kerana niat kerajaan adalah murni iaitu membina sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dan maju.

Bagaimanapun, Musa berkata sejak kebelakangan ini, kerap kali dasar, konsep dan pendirian serta pendekatan kerajaan disalahtafsirkan dan dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab atas kepentingan tertentu sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

"Dalam konteks ini, gambaran yang tepat dan maklumat yang lengkap amat penting bagi memastikan niat murni kerajaan dapat difahami, dihayati serta mendapat sokongan padu segenap lapisan rakyat," katanya ketika berucap pada Majlis Penutupan Seminar Wasatiyyah dan 1Malaysia di Wisma MUIS, dekat sini pada Khamis.

Musa turut mengajak rakyat supaya sentiasa menghargai dan mensyukuri nikmat kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran yang dinikmati sekarang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680133>